



## MySejahtera diperluas untuk janji temu pergigian

Oleh Siti Nur Ain Mat Ripar - Mei 15, 2023 @ 7:11pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sistem Janji Temu secara atas talian melalui aplikasi MySejahtera diperluas kepada perkhidmatan kesihatan pergigian, bermula hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata peluasan ini akan mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pergigian dan kemudahan akses ke klinik pergigian, selain daripada kaedah 'walk-in'.

"Orang awam boleh menempah perkhidmatan pemeriksaan kesihatan pergigian dan merancang lawatan ke fasiliti kesihatan pergigian mengikut kesesuaian masa.

"Peluasan ini juga menawarkan janji temu pemeriksaan kesihatan pergigian melalui Perkhidmatan Pesakit Luar," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperkenalkan fungsi 'Automated Reminder' melalui aplikasi MySejahtera dan pengguna akan diberi notis untuk hadir pada masa dan tarikh yang sudah ditempah.

"Pelanggan akan diberikan pemeriksaan, perundingan atau rawatan pergigian pada janji temu pertama dan sekiranya rawatan susulan diperlukan, penetapan janji temu seterusnya akan diaturkan.

"Bagi kes kecemasan pergigian seperti sakit gigi atau kecederaan pada tisu muka atau gigi, orang awam boleh hadir terus ke klinik pergigian berdekatan, bagi mendapatkan rawatan kecemasan tanpa perlu melakukan tempahan janji temu," katanya.

Dalam pada itu, menurut beliau, Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 mendapati sebanyak 15 peratus daripada penduduk Malaysia tidak pernah mendapatkan pemeriksaan gigi dengan pengamal pergigian seumur hidup mereka.

"Kira-kira 50 peratus pula hanya mendapatkan pemeriksaan pergigian yang terakhir mereka lebih dari dua tahun lalu.

"Situasi ini membimbangkan kerana kejadian penyakit gusi dan karies gigi dalam kalangan dewasa masih tinggi dengan masing-masing 90 dan 89 peratus menurut Tinjauan Kesihatan Mulut Kebangsaan Untuk Golongan Dewasa 2010," katanya.

Beliau berkata, pendigitalan Sistem Janji Temu Perkhidmatan Kesihatan Pergigian melalui aplikasi MySejahtera berpotensi meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian negara serta tahap kesihatan pelanggan.

"Ini mengukuhkan penjagaan sendiri dan saringan tahap kesihatan pergigian sebagai langkah pengesanan awal penyakit serta pencegahan penyakit pergigian.

"KKM juga ingin menyeru orang ramai untuk bersama meningkatkan taraf kesihatan pergigian rakyat Malaysia melalui inisiatif ini agar taraf kesihatan pergigian rakyat selari dengan kemajuan sosioekonomi negara," katanya.